



Memo

LEMBAGA GETAH MALAYSIA
MALAYSIAN RUBBER BOARD

Kepada : Warga LGM
Daripada : Ketua Unit Pembangunan Sumber Manusia
Rujukan : LGM/KP/UPSM/027
Tarikh : 29 Oktober 2024

**KENYATAAN UNIT PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
BILANGAN 17 TAHUN 2024**

**PENAMBAHBAIKAN CUTI TANPA REKOD SEMPENA PERAYAAN HARI DEEPAVALI
BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM YANG MENGANUT AGAMA HINDU**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Merujuk kepada Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian SR 5.3.6 dan Kenyataan UPSM Bilangan 37 Tahun 2018, Kerajaan telah memperuntukkan Cuti Tanpa Rekod Sempena Perayaan Hari Deepavali **selama satu (1) hari iaitu pada hari berikutnya (hari kedua)** kepada Pegawai Perkhidmatan Awam yang menganut agama Hindu sebagai cuti tambahan kepada cuti umum Hari Deepavali.

3. Sebagaimana dimaklumi, peruntukan Cuti Tanpa Rekod adalah terikat kepada hari yang dibenarkan sahaja dan **tidak boleh** dibawa ke hari berikutnya sekiranya Cuti Tanpa Rekod tersebut jatuh pada Hari Kelepasan Am atau Hari Kelepasan Mingguan.

4. Walaubagaimanapun, mulai tahun ini Kerajaan telah bersetuju supaya pegawai boleh **memilih untuk menggunakan Cuti Tanpa Rekod** ini sama ada **sehari sebelum atau pada hari kedua Perayaan Deepavali** seperti yang dinyatakan di dalam Surat Edaran JPA.(S)800-1/1/7 JLD.5(17) yang bertarikh 25 Oktober 2024.

5. Pegawai dan Pehidmat LGM yang beragama Hindu hendaklah mengemukakan permohonan Cuti Tanpa Rekod melalui memo kepada pihak UPSM untuk tindakan selanjutnya. Cuti Tanpa Rekod ini adalah terpakai bagi semua negeri **kecuali** Sarawak, kerana Hari Deepavali bukan merupakan Hari Kelepasan Am di negeri tersebut.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”

(IRWAN HARIS BIN ZAINAL ABIDIN)